



## **Teks Ucapan**

**YB Dato' Sri Fadillah bin Hj Yusof**

**Menteri Kanan Kerja Raya**

**Sempena Majlis Persaraan**

**Peringkat Kementerian Kerja Raya Tahun 2020**

**17 Disember 2020**

**(Khamis)**

**Bilik Tanjung, Tingkat 6, Blok A**

**Kompleks Kerja Raya**

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis

YBhg. Datuk Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan  
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

YBhg. Datuk Badrul Hisham bin Mohd  
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan)

YBhg. Dato' Ahmad Nadzri bin Embong  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

YBrs. Ir. Mat Rosly bin Mat Daud  
Mantan Setiausaha Bahagian Perancang Jalan

YBhg. Dato', tuan – tuan dan puan-puan pesara KKR yang diraikan,

Assalamualaikum wbt dan selamat sejahtera

1. Alhamdulillah syukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Majlis Persaraan Warga KKR. Majlis ini diadakan selaras dengan hasrat Kementerian untuk meraikan warga KKR yang bersara pada tahun 2020 yang telah mencurahkan sumbangan kepada Kementerian Kerja Raya dan perkhidmatan awam khususnya.

2. Saya juga menghargai kesudian YBhg. Dato', Tuan/Puan yang sudi hadir ke majlis hari ini, walaupun dalam situasi negara yang masih berhadapan dengan COVID 19. Seperti yang Tuan/Puan sedia maklum, langkah berjaga-jaga telah diambil oleh pihak urus setia pada hari ini, seperti penjarakan sosial serta pemakaian pelitup muka. Insya Allah majlis ini akan berjalan lancar dan dalam keadaan selamat. Saya juga dimaklumkan, jemputan hari ini juga telah dibekalkan dengan 'Kit Kasih Sayang' iaitu *hand sanitizer* dan pelitup muka sebagai tanda ingatan dan pembudayaan norma baharu.

YBhg. Dato', Tuan/Puan yang diraikan,

3. Seramai 13 orang warga KKR telah bersara wajib dan 3 orang bersara pilihan pada tahun 2020. Daripada jumlah ini, ada yang memulakan tugas sebagai penjawat awam di pelbagai Kementerian serta Jabatan dan

mengakhiri perkhidmatan di Kementerian ini. Tidak terkecuali ada yang telah berkhidmat seluruh perkhidmatan sebagai penjawat awam di Kementerian ini. Terdapat 3 orang pegawai yang telah berkhidmat di KKR dari awal pelantikan dengan tempoh perkhidmatan melebihi 40 tahun. Walau di mana sahaja penempatan tugas di sepanjang tempoh perkhidmatan, banyak sumbangan dan jasa yang telah dicurahkan oleh anda semua kepada perkhidmatan awam khususnya. Pihak Kementerian juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas jasa, pengalaman dan dedikasi yang telah dicurahkan dalam menggalas cabaran mengharumkan nama Kementerian di dalam dan luar negara.

Hadirin yang dihormati,

4. KKR telah berjaya mengekalkan kecemerlangan dari aspek pengurusan dan projek pembangunan serta mendapat pelbagai pengiktirafan daripada pelbagai pihak. Pencapaian ini semua tidak akan dicapai tanpa komitmen, sumbangan dan kerjasama semua warga KKR termasuk pesara yang kita raikan pada hari ini.

5. Setiap pegawai perkhidmatan awam secara umumnya akan berkhidmat untuk suatu tempoh yang agak lama dan pastinya telah menempuh pelbagai halangan, pengalaman pahit manis, menimba pelbagai ilmu pengetahuan dan pengalaman. Segalanya menjadikan kita seorang berpemikiran matang, terbuka dan prihatin untuk menyumbang kepada masyarakat, agama dan negara. Pada masa yang sama, kita perlu

bersyukur dan berterima kasih kerana melalui perkhidmatan dengan kerajaan ini membolehkan kita membangunkan institusi keluarga masing-masing, menyara keluarga dan memberi pendidikan kepada anak-anak sehinggalah mereka dewasa.

YBhg. Dato', tuan-tuan dan puan-puan yang diraikan,

6. Aktiviti selepas persaraan mungkin berbeza bagi setiap individu. Menerusi persaraan tidak bermakna sumbangan terhadap agama, bangsa dan negara telah berakhir. Segala kemahiran, kepakaran dan pengalaman yang diperoleh semasa berkhidmat dalam perkhidmatan awam boleh menjadi aset untuk terus aktif dan menyumbang terutamanya kepada masyarakat misalnya melalui kegiatan NGO's atau lain-lain platform yang sesuai. Bahkan Tuan/Puan boleh menjadi Rakan KKR untuk bersama-sama membantu meningkatkan persepsi positif rakyat kepada KKR menerusi penyebaran maklumat yang tepat.

7. Persaraan juga memberi ruang yang boleh digunakan untuk mencuba hobi baru atau meneruskan minat lama yang terpendam seperti minat dalam bidang fotografi, menulis buku, melukis atau mungkin menjadi usahawan. Masih tidak lewat untuk memulakan sesuatu yang baru seperti kata-kata ini **“Retirement is not the end of the road. It is the beginning of the open highway”**.

8. Dalam keadaan negara menghadapi pandemik COVID 19, kesihatan diri dan keluarga perlu menjadi keutamaan kita. Oleh itu, saya menyeru agar amalan norma baharu diteruskan seperti kerap membasuh tangan dan mengurangkan pergerakan keluar rumah. Dapatkan rawatan segera jika tidak sihat, pastikan bekalan ubat-ubatan mencukupi dan patuhi temujanji dengan doktor jika ada.

YBhg. Dato', tuan-tuan dan puan-puan yang diraikan,

9. Akhir kata dari saya, selamat bersara dan selamat maju jaya kepada anda semua. Semoga kenangan berkhidmat di KKR kekal menjadi memori yang terindah. Saya doakan agar segala semua urusan dipermudahkan dan anda semua diberikan kesihatan baik yang berpanjangan. Saya sudahi ucapan saya pada hari ini dengan dua rangkap pantun:

**Jalan dirancang dengan berhemat,  
Untuk manfaat rakyat sejahtera,  
Bertahun lama menabur khidmat,  
Bersama KKR membina negara.**

**Berdiri gagah bangunan dan jambatan,  
Menjadi kebanggaan rakyat Malaysia,  
Selamat bersara saya ucapkan,  
Luhur budi dikenang sentiasa.**

Sekian, terima kasih.

Wabilahi Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.